



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***POLA PENGUNDIAN ORANG MELAYU DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2008
DI SELANGOR***

SITI NORANIZAH HAFIZAH BOYMAN

FEM 2015 61



POLA PENGUNDIAN ORANG MELAYU DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2008 DI SELANGOR

SITI NORANIZAH HAFIZAH BOYMAN

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2015



**POLA PENGUNDIAN ORANG MELAYU
DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2008
DI SELANGOR**

Oleh


SITI NORANIZAH HAFIZAH BOYMAN

Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah Sains Politik dan Kerajaan

Januari 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

POLA PENGUNDIAN ORANG MELAYU DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2008 DI SELANGOR

Oleh

SITI NORANIZAH HAFIZAH BINTI BOYMAN

Januari 2015

Pengerusi : Prof. Jayum Anak Jawan, PhD

Fakulti : Ekologi Manusia

Tesis ini mengkaji pola pengundian orang Melayu dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Selangor dengan memfokuskan pengundi di bandar dan luar bandar. Objektif kajian yang pertama adalah untuk menjelaskan pola pengundian pengundi Melayu di Selangor pada PRU 2008. Kedua, kajian ini akan menjelaskan sentimen pengundi Melayu yang tinggal di bandar dan luar bandar semasa PRU 2008 di Selangor. Ketiga, kajian ini juga akan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pola pengundian pengundi Melayu di Selangor pada PRU 2008. Kaedah kajiselidik dan temubual digunakan untuk menjawab segala objektif dalam kajian ini. Data-data yang digunakan adalah lebih terperinci kerana merangkumi aspek empirikal dan kualitatif yang melibatkan kajian lapangan. Kajian ini menggabungkan ketiga-tiga teori iaitu identifikasi parti, pilihan rasional dan asas-asas sosiologikal untuk menjelaskan pola pengundian orang Melayu di Selangor. Dapatan kajian ini menemukan lima perkara. Pertama, hasil analisis menunjukkan kawasan-kawasan majoriti Melayu telah berubah dengan sokongan padu kepada PR pada PRU 2008. Berdasarkan kajian empirikal yang dilakukan, daripada 37 kawasan majoriti pengundi Melayu, 19 kawasan telah dimenangi oleh PR (8 PAS, 11 PKR). Selebihnya 18 kawasan majoriti Melayu dimenangi oleh BN. Namun, 16 kawasan majoriti Melayu yang dimenangi tersebut mengalami penurunan undi majoriti jika dibandingkan dengan PRU 2004. Kedua, dapatan kajian menggambarkan sentimen pengundi Melayu berpihak kepada PR pada PRU 2008. Terdapat perbezaan sentimen pengundi di bandar dengan pengundi di luar bandar. Pengundi di bandar lebih berpihak kepada PR berbanding pengundi luar bandar. Ketiga, faktor yang menyebabkan perubahan pola pengundian ini berlaku mengikut kedudukan yang utama iaitu parti, calon, ekonomi, isu semasa dan media. Keempat, keputusan empirikal mendapat terdapat perbezaan keutamaan faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi di bandar dan luar bandar. Di bandar, pilihan utama mereka ialah calon, parti, isu semasa, ekonomi dan media. Manakala di luar bandar parti, ekonomi, calon, isu semasa dan media. Akhir sekali, latar belakang responden

juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pola pengundian. Secara keseluruhannya, kajian yang dilakukan di dalam tesis ini telah menemukan beberapa dapatan penting yang mengisi *lacuna* kajian-kajian lepas dengan lebih terperinci menggunakan data-data kuantitatif dan kualitatif serta gabungan beberapa teori. Apa yang jelas ialah dengan penemuan tersebut, tesis ini menyumbang kepada khazanah ilmu politik, iaitu menjelaskan apa dan kenapa pola pengundian Melayu berubah di Selangor pada PRU 2008.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
In fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**VOTING PATTERN AMONG MALAY VOTERS IN THE
2008 GENERAL ELECTIONS IN SELANGOR**

By

SITI NORANIZAH HAFIZAH BINTI BOYMAN

January 2015

Pengerusi : Prof. Jayum Anak Jawan, PhD

Fakulti : Ekologi Manusia

This thesis examines the voting pattern of Malay voters in the 2008 General Elections (GE) in Selangor, focusing on both voters in urban and rural areas. The objectives of this research are, firstly, to explain the voting patterns among Malays in Selangor during 2008 GE. Secondly, this study aims to explain Malay voters' sentiment in urban and rural areas during the 2008 GE in Selangor. Thirdly, the study seeks to identify factors that influence voting patterns among Malays during the 2008 GE. In this research, survey and interview methods have been used to seek answer to all the objectives of the study. Data were derived through empirical and qualitative methods and they have involved field work. This research combined three theories namely party identification, rational choice and sociological basis to explain voting patterns of Malays in Selangor. Results showed five patterns. Firstly, the analysis shows that Malay-majority area has changed and are supporting PR during the 12th GE. Based on empirical research, of 37 Malay-majority areas, 19 areas have been won by PR (8 by PAS, 11 by PKR). The remaining 18 Malay-majority areas have been won by BN. However, 16 Malay-majority areas that have been won by BN had experienced decreases in votes compared with their performance in the 2004 GE. Secondly, findings show that Malay voters' sentiment during the 2008 GE was in favour of PR. There are differences in voting patterns between urban and rural areas. Voters in urban areas are more favourable towards PR compared to their rural counterparts. Thirdly, the study identified factors that caused the change in voting patterns, and in order of unfluence, they are namely, candidates, economy, current issues, and media. Fourthly, empirical finding shows that there are differences in terms of priority factors that influence voters from urban and rural areas. In urban areas, their main choices are candidates, political party, current issues, economy, and media. Meanwhile in rural areas, their main choices are political party, economy, candidates, current issues and media. Finally, findings of the study shows that respondents' background also play an important role in influencing the voting patterns. Overall, the research findings in this thesis can fill the vacuum in previous researches in detail by using quantitative and qualitative

data, combined with theories. It is clear that this thesis contributes to the political body of knowledge by offering details of what and why voting patterns among the Malays in Selangor had changed in the 2008 GE.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya, saya dapat menyiapkan kajian ini. Langkah ini dipermudah berkat doa kedua ibubapa. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya, Prof. Dr. Jayum Jawan, Prof. Dr. Zaid Ahmad dan Dr. Ahmad Tarmizi Talib atas tunjuk ajar, bimbingan, teguran dan nasihatnya yang begitu berguna sepanjang kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ditujukan khas kepada pihak Universiti Putra Malaysia kerana telah membiayai penyelidikan ini melalui *Research University Grant Scheme* (RUGS) yang diketuai oleh Prof. Dr. Jayum Jawan. Ianya begitu bermakna buat penyelidik.

Maklumat bagi penulisan ini juga diperolehi daripada temubual yang disenaraikan dalam bahagian Rujukan. Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka kerana memberikan kerjasama yang baik semasa ditemubual. Sekalung penghargaan juga buat kakitangan Fakulti Ekologi Manusia yang banyak membantu semasa kajian dijalankan. Walau bagaimanapun terima kasih juga kepada semua yang tidak dapat saya sebutkan kesemua namanya di sini kerana membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa dan selepas kajian ini disiapkan.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa kerana membantu, menyokong dan mendoakan penulis menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama membantu dan saling memberi semangat dan galakan untuk membantu saya menyiapkan kajian ini.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 08 Januari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Noranizahhafizah Boyman untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Pola pengundian orang Melayu dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 (2008) di Selangor” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia Pertanian Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa Pemeriksa memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Asnarulkhadi Abu Samah, PhD

Prof. Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Sarjit Singh A/L Darshan Singh, PhD

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Adlina Ab. Halim, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Abdul Rahman bin Abdul Aziz, PhD

Profesor

Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad

Universiti Utara Malaysia

(Pemeriksa Luar)

Tesis ini diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Jayum Anak Jawan, PhD

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaid Ahmad, PhD

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Demokrasi	1
1.2 Pilihan Raya dan Demokrasi	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif	7
1.6 Definisi Pola Pengundian & Sentimen Pengundi	8
1.6.1 Pola Pengundian	8
1.6.2 Sentimen Pengundi	9
1.7 Kesignifikanan Kajian	10
1.8 Skop Kajian	10
1.9 Organisasi Kajian	11
2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalan	13
2.1 Konsep dan Teori	13
2.1.1 Teori Identifikasi Parti	14
2.1.2 Teori Pilihan Rasional	16
2.1.3 Teori Sosiologikal	20
2.2 Kerangka Konsep	24
2.3 Kajian Pilihan Raya di Malaysia	27
2.3.1 Pilihan Raya Pasca Merdeka (1959-1989)	27
2.3.2 Pilihan Raya Era 1990-2004	29
2.3.3 Pilihan Raya Umum 2008	34
2.4 Kesimpulan	43

3	METODOLOGI	
3.0	Pengenalan	45
3.1	Metodologi Penyelidikan	45
	3.1.1 Kaedah Pengumpulan Data	47
	3.1.1.1 Menganalisis Dokumen	47
	3.1.1.2 Temubual	48
	3.1.1.3 Kaji Selidik (<i>survey</i>)	49
	3.2 Lokasi Kajian dan Persampelan	51
	3.3 Proses pengumpulan Data	53
	3.4 Analisis Data Penyelidikan	54
	3.4.1 Analisis Diskriptif	54
	3.4.2 Ujian Khi Kuasa Dua	54
	3.4.3 Ujian Cramer V	55
	3.4.4 Analisis Nvivo	56
	3.5 Kesimpulan	57
4	LATAR BELAKANG SELANGOR	
4.0	Pengenalan	58
4.1	Perkembangan Sosial	58
4.2	Perkembangan Ekonomi Selangor	62
4.3	Perkembangan Politik Selangor	64
	4.3.1 Pilihan Raya Umum Di Selangor 1959 Hingga 2004	65
	4.3.1.1 Pengundi Berdaftar	66
	4.3.1.2 Peratusan Mengundi	67
	4.3.1.3 Parti yang Bertanding	68
	4.3.1.4 Prestasi Parti	69
	4.3.2 Pilihan Raya Umum di Selangor 2008	71
	4.3.2.1 Manifesto	72
	4.3.2.2 Undi Popular	73
	4.3.2.3 Undi Rosak	74
	4.3.2.4 Isu Semasa PRU 2008	75
4.4	Kesimpulan	76
5	POLA PENGUNDIAN DAN SENTIMEN PENGUNDI	
5.0	Pengenalan	77
5.1	Pola Pengundian di Selangor	77
5.2	Kawasan BN Kalah pada PRU 2008	79
5.3	Kawasan BN Mengalami Penurunan Undi PRU 2008	84
5.4	Latar Belakang Responden	87
	5.4.1 Jantina & Umur	88
	5.4.2 Pendidikan	88
	5.4.3 Sektor Pekerjaan	89
	5.4.4 Pendapatan	90
5.5	Sentimen Pengundi	90
5.6	Kesimpulan	93

6	FAKTOR MEMPENGARUHI PENGUNDI	
6.0	Pengenalan	95
6.1	Kesedaran Politik	95
	6.1.1 Berbincang Isu Politik	97
	6.1.2 Pilihan Politik	98
	6.1.3 Sumber Utama Maklumat Politik	100
	6.1.4 Keyakinan Terhadap Sumber Maklumat Politik	101
6.2	Faktor-faktor Mempengaruhi Pengundi	103
	6.2.1 Faktor Parti	107
	6.2.1.1 Latar belakang & Faktor Parti	112
	6.2.2 Faktor Calon	116
	6.2.2.1 Latar belakang & Faktor Calon	118
	6.2.3 Faktor Ekonomi	122
	6.2.3.1 Latar belakang & Faktor Ekonomi	126
	6.2.4 Faktor Isu Semasa	130
	6.2.4.1 Latar belakang & Faktor Isu Semasa	132
	6.2.5 Faktor Media	136
	6.2.5.1 Latar belakang & Faktor Media	137
	6.2.6 Faktor Agama & Etnik	140
6.3.	Kesimpulan	144
7	KESIMPULAN	
7.0	Pengenalan	145
7.1	Rumusan Persekutuan PRU 2008	145
7.2	Dapatan Utama	146
7.3	Kesan PRU 2008 Terhadap Politik Malaysia	151
7.4	Sumbangan Kajian Terhadap Politik Malaysia	152
7.5	Saranan	153
RUJUKAN		154
LAMPIRAN		170
BIODATA PELAJAR		178
SENARAI PENERBITAN		179

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Penambahbaikan Soalan	53
3.2	Cramer V	55
3.3	<i>Nodes</i>	56
4.1	Kemudahan Kesihatan di Selangor	61
4.2	Kemudahan Pendidikan di Selangor	61
4.3	KDNK mengikut Sektor di Selangor	62
4.4	Guna Tenaga dan Pengangguran di Selangor	63
4.5	Peratus Guna Tenaga Mengikut Sektor di Selangor	64
4.6	Keputusan PRU di Selangor	65
4.7	Pengundi Berdaftar di Selangor	66
4.8	Peratusan Keluar Mengundi di Selangor	67
4.9	Parti yang Bertanding pada PRU di Selangor	68
4.10	Undi yang Diperolehi oleh Parti-parti di Selangor	70
4.11	Perbandingan Keputusan PRU di Selangor	72
4.12	Peratusan Undi pada PRU di Selangor	74
4.13	Peratusan Undi Rosak pada PRU di Selangor	75
5.1	Keputusan Pilihan Raya DUN, Selangor	78
5.2	Kawasan Dimenangi PKR pada PRU 2008	80
5.3	Kawasan Dimenangi DAP pada PRU 2008	82
5.4	Kawasan mengalami Penurunan Undi Majoriti	85
5.5	Jantina & Umur Responden	88
5.6	Pendidikan Responden	89
5.7	Sektor Pekerjaan Responden	89
5.8	Pendapatan Responden	90
5.9	Sentimen Pengundi	91
5.10	Perbezaan Sentimen Pengundi	91
5.11	Ujian Susulan	93
6.1	Mengikuti Perkembangan Politik	96
6.2	Berbincang Isu Politik	97
6.3	Menentukan Pilihan Politik	98
6.4	Sumber Maklumat Politik	100
6.5	Sumber Maklumat (Televisyen)	101
6.6	Sumber Maklumat (Akhbar)	102
6.7	Pilihan Utama	104
6.8	Perbezaan Keseluruhan	105
6.9	Perbezaan Bandar & Luar Bandar	106
6.10	Parti	109
6.11	Peratusan Mengundi Parti yang dianggotai	113
6.12	Mengundi Parti yang dianggotai	114
6.13	Peratusan Faktor Calon	119

6.14	Faktor Calon	120
6.15	Ekonomi	125
6.16	Peratusan Faktor Ekonomi	127
6.17	Mengundi Faktor Ekonomi	128
6.18	Peratusan Faktor Isu Semasa	133
6.19	Mengundi Faktor Isu Semasa	134
6.20	Peratusan Faktor Media	138
6.21	Mengundi Faktor Media	139
6.22	Ahli Parti	141
6.23	Calon Pilihan Raya	142
6.24	Isu	143

SENARAI RAJAH

Rajah

Halaman

1	Model TLP	24
2	Penduduk Mengikut Umur pada 2007 di Selangor	59
3	Penduduk Mengikut Etnik di Selangor	60
4	Kawasan Dimenangi PAS pada PRU 2008	79
5	Undi Majoriti PKR pada PRU 2008 & 2004	81
6	Undi Majoriti DAP pada PRU 2008 & 2004	83
7	Undi Majoriti BN pada PRU 2008 & 2004	86
8	Peta kawasan Bangi dan Hulu Langat	87
9	Model TLP	150

SENARAI SINGKATAN

ALIRAN	Aliran Kesedaran Negara
AUKU	Akta Universiti & Kolej Universiti
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BA	Barisan Alternatif
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
BERSIH	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
BN	Barisan Nasional
CUEPACS	Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DPJ	Parti Demokratik Jepun
DRI	<i>Democracy Reporting International</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
FDI	Pelaburan Asing Langsung
FRU	Unit Simpanan Persekutuan
FS	<i>Front Socialist</i>
GAGASAN	Gagasan Rakyat
GOLKAR	Parti Golongan Karya
GRM	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
HAMIM	Parti Hizbul Muslimin Malaysia
Hindraf	<i>Hindu Rights Action Force</i>
ICCCR	<i>International Covenant on Civil and Political Rights</i>
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
IPF	Barisan Progresif India
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
IT	Teknologi Maklumat
JUST	<i>International Movement for a Just World</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
Keadilan	Parti Keadilan Nasional
KPDN&HEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
LDP	<i>Liberal Democratic Party</i>
LSF	Unit Tindakan Ringan
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MDP	<i>Malaysian Democratic Party</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
NASMA	Parti Nasionalis Malaysia
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
OPPD	<i>Office for Promotion of Parliamentary Democracy</i>
PAP	<i>People's Action Party</i>
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBDS	Parti Bansa Dayak Sarawak
PBS	Parti Bersatu Sabah
PDI	Parti Demokrasi Indonesia

PEKEMAS	Parti Keadilan Masyarakat Malaysia
PETIR	Parti Tindakan Rakyat
PKN	Parti Keadilan Nasional
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PM	Parti Malaya
PN	Parti Negara
PORU	Unit Pencegahan Rusuhan
PPM	Parti Pekerja Malaysia
PPP	Parti Progresif Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
RMK-9	Rancangan Malaysia Ke-sembilan
S46	Semangat 46
SAPP	Parti Maju Sabah
SDP	<i>Socialist Democratic Party</i>
SNAP	Parti Kebangsaan Sarawak
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUPP	Parti Rakyat Bersatu Sarawak
TNC	Syarikat Gergasi Transnasional
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
UPKO	Persatuan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu
USNO	Parti Kebangsaan Sabah Bersatu

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahagian ini memberikan penerangan secara ringkas tentang demokrasi. Bermula dengan ahli falsafah awal seperti Plato, kemudian sarjana-sarjana seperti John Locke, Montesquieu, Rousseau dan tokoh politik Abraham Lincoln. Perbincangan ringkas berkaitan dengan demokrasi adalah untuk memberi gambaran awal tentang demokrasi. Perbincangan seterusnya adalah tentang pilihan raya dan perkaitannya dengan demokrasi. Pilihan raya adalah salah satu elemen penting dalam demokrasi yang juga menjadi fokus kepada kajian ini. Oleh itu, beberapa badan antarabangsa menjadi rujukan dalam perbincangan pilihan raya dan kaitannya dengan demokrasi. Antara badan antarabangsa yang menjadi rujukan ialah *Office for Promotion of Parliamentary Democracy* (OPPD), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan *Democracy Reporting International* (DRI). Perkara-perkara yang turut dibincangkan ialah elemen-elemen lain dalam demokrasi serta kelemahan demokrasi.

Bab ini juga membincangkan asas kepada kajian ini iaitu permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif, kesignifikanan, skop kajian dan organisasi kajian. Keseluruhan perbincangan ini memberi gambaran menyeluruh kajian yang dijalankan.

1.1 Demokrasi

Demokrasi lahir daripada pemikiran politik barat yang berprinsipkan kedaulatan rakyat. Plato berpandangan di dalam negara demokrasi, “*There is liberty and freedom of speech in plenty, and every individual is free to do as he likes*” (Lee, 1955). Berdasarkan pandangan Plato (427-347), di sesebuah negara demokrasi rakyatnya bebas bersuara dan melakukan sesuatu mengikut cara mereka dan mempunyai cara hidup mereka yang tersendiri. Begitu juga dengan John Locke (1632-1704), dalam *Two Treatises of Government* beliau mempunyai dua tujuan utama iaitu, untuk menolak doktrin hak mutlak Monarki dan membina sebuah teori yang akan memberikan kebebasan rakyat dengan perintah politik (Locke, 1992). Namun, di sebalik kedua-dua doktrin tersebut terletak kebebasan individu.

Manakala Montesquieu (1689-1755) dalam *The Spirit of the Laws* telah menyentuh perkara yang berkaitan dengan undang-undang manusia dan institusi sosial. Beliau percaya, undang-undang di kebanyakan negara boleh digubal menjadi lebih liberal dan berperikemanusiaan, kurang diselewengkan, menyekat kuasa negara, menghapuskan penindasan agama dan perhambaan dan memajukan perdagangan

(Montesquieu, 2001). Beliau juga turut membincangkan tentang kebebasan individu memilih wakil dalam kerajaan dengan menyatakan bahawa semua penduduk mempunyai hak mengundi untuk memilih wakil mereka (Montesquieu, 2001). Memilih wakil ini penting bagi mewakili suara mereka dalam kerajaan.

Sama juga dengan Rousseau (1712-1778) yang terkenal dengan frasanya iaitu "*man is born free, but he is everywhere in chains*", dalam bukunya *The Social Contract* menegaskan bahawa negara moden telah mengekang kebebasan fizikal yang menjadi hak manusia semasa lahir dan tidak melakukan apa-apa untuk menjamin kebebasan sivil (Rousseau, 1992). Selain itu, beliau juga menggariskan untuk mendapat legitimasi politik yang sah, ia perlu datang daripada kontrak sosial yang dipersetujui oleh semua rakyat demi keamanan bersama. Hal ini kerana kerajaan yang diinstitusikan oleh kontrak sosial kuasanya adalah terhad dan melibatkan tanggungjawab timbal balik yang boleh diubahsuai atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang diberikan autoriti.

Akhir sekali ialah Abraham Lincoln (1809-1865) Presiden Amerika Syarikat yang ke-16, mendefinisikan demokrasi sebagai "*government of the people, by the people, for the people*" iaitu kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat (Lincoln, 2008). Ini adalah ucapan beliau yang paling terkenal dalam sejarah Amerika semasa Perang Saudara pada tahun 1863. Ungkapan yang popular hingga kini. Ucapan Lincoln telah membawa perubahan yang bermakna di dalam perlumbaan Amerika Syarikat. Dalam ucapannya Lincoln telah membaca premis dalam Perlumbaan yang menjanjikan kesaksamaan, yang mencadangkan bahawa semua manusia adalah sama. Kesaksamaan memang telah menjadi satu premis pengisytiharan kemerdekaan tetapi ia secara umumnya difahami bahawa penggubal dokumen itu tidak berniat untuk memasukkan hamba dan orang yang bertaraf "rendah" dalam takrif mereka. Namun, Lincoln telah mengubahnya dengan mengisytiharkan bahawa kehidupan orang-orang yang berjuang di Gettysburg dan di seluruh perang tidak akan menjadi sia-sia jika negara berjaya mencapai usul bahawa semua rakyatnya, tanpa mengira bangsa, sebenarnya adalah sama (Lincoln, 2008). Sehingga kini idea demokrasi Lincoln menjadi cerminan kepada demokrasi Amerika Syarikat

Oleh itu, secara keseluruhannya dapat dirumuskan demokrasi membolehkan rakyat bebas bersuara dan melakukan sesuatu mengikut cara mereka dan mempunyai cara hidup mereka yang tersendiri. Demokrasi memberikan kebebasan rakyat dengan perintah politik dan kesaksamaan yang mencadangkan bahawa semua manusia adalah sama. Selain itu, demokrasi adalah berprinsipkan kedaulatan rakyat yang memberi kebebasan individu memilih wakil dalam kerajaan dengan menyatakan bahawa semua penduduk mempunyai hak mengundi untuk memilih wakil mereka.

1.2 Pilihan raya dan Demokrasi

Pilihan raya adalah teras kepada demokrasi. Ia membolehkan rakyat memilih pemimpin atau wakil mereka dengan mengundi. Perkara ini turut disokong oleh *Office for Promotion of Parliamentary Democracy* (OPPD) yang menyatakan, “*vote in elections is recognised in all commitments as a core element of democracy*” (*Democracy-reporting*, 30 Julai 2012).¹ Perkara ini juga dimasukkan ke dalam Perkara 25 ICCPR² yang menyatakan kerajaan bukan sahaja perlu memberi hak kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam mengendalikan hal ehwal awam, untuk mengundi dan dipilih, tetapi juga menyediakan mereka peluang untuk berbuat demikian (*OHCHR*, 31 Julai 2012).

Salah satu ciri penting yang berkaitan dengan pilihan raya dan demokrasi ialah parlimen. OPPD, telah menyenaraikan elemen-elemen demokrasi termasuklah perkara yang berkaitan dengan peranan parlimen, pengasingan kuasa, peraturan undang-undang, sistem majmuk dalam parti politik dan pertubuhan, ketelusan dan kebertanggungjawaban (*Democracy-reporting*, 30 Julai 2012). Parlimen adalah badan yang berperanan menggubal dan meluluskan dasar yang berkaitan dengan kepentingan rakyat. Ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil rakyat yang dipilih melalui undi semasa pilihan raya. Sistem perwakilan inilah yang dikenali sebagai demokrasi secara tidak langsung. Berbeza dengan zaman Yunani dahulu yang mengamalkan demokrasi secara langsung kerana pada ketika itu rakyat tidak ramai dan penyertaannya tidak melibatkan semua rakyat.

Selain itu, pilihan raya berperanan menujuhan kerajaan yang sah dalam sistem demokrasi. Malahan ia penting untuk rakyat mengundi bagi memilih parti bagi membentuk kerajaan. Kenyataan ini disokong oleh *Democracy Reporting International (DRI)* yang menyatakan tentang prinsip kebebasan seorang warganegara untuk memilih pemimpin yang disukai.³ Oleh itu, pilihan raya dan demokrasi membenarkan wujudnya pembangkang kerana ia membenarkan sistem kepertian. Dalam pilihan raya, parti yang menang akan menujuhan kerajaan, manakala parti yang kalah akan menjadi pembangkang. Peranan pembangkang adalah sebagai semak dan imbang terhadap tindakan-tindakan kerajaan supaya kepentingan rakyat diutamakan.

¹ Tujuan utama OPPD ditubuhkan adalah untuk mempromosi dan membangunkan demokrasi.

² ICCPR - *International Covenant on Civil and Political Rights* adalah untuk memastikan kesamarataan hak diperolehi oleh semua individu.

³ *Democracy Reporting International (DRI)* menetapkan prinsip-prinsip demokrasi termasuklah hak untuk mengundi dan bertanding di dalam pilihan raya, menghormati hak asasi manusia dan politik (kebebasan berpersatuuan dan bersuara), pengasingan dan keseimbangan kuasa, kebebasan badan kehakiman, sistem parti politik dan organisasi yang majmuk, menghormati kedaulatan undang-undang, akauntabiliti dan ketelusan dan kebebasan media.

Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam sistem demokrasi iaitu dari segi keupayaan rakyat mengawal tindakan kerajaan yang memerintah agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa. Hubungan di antara kerajaan dan rakyat juga akan menentukan semak dan imbang kuasa pemerintah. Namun, kuasa yang ada pada rakyat ini mempunyai masa tertentu atau bersifat bermusim iaitu apabila tiba pilihan raya sahaja. Rakyat boleh memilih kerajaan yang baru ataupun memilih semula kerajaan yang sedia ada dengan mengundi dalam masa empat atau lima tahun. Kelebihannya, dalam masa lima tahun sebelum itu, mungkin kerajaan telah menggubal dasar atau undang-undang yang menjelaskan kepentingan rakyat.

Oleh itu, adalah penting untuk menghasilkan pilihan raya bebas dan adil. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia telah menggariskan elemen-elemen penting yang perlu ada di dalam demokrasi, antaranya ialah mengadakan pilihan raya yang bebas dan adil secara berkala, sistem parti politik dan organisasi yang majmuk, pengasingan kuasa, kebebasan badan kehakiman, ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam dan media yang bebas (*UN*, 28 Julai 2012). Perkara ini perlu menjadi fokus kerana pilihan raya adalah asas kepada sistem demokrasi itu sendiri. Mengikut prinsip demokrasi rakyat mempunyai hak untuk memilih dengan mengundi pemimpin yang difikirkan layak, berwibawa dan membela kepentingan rakyat.

Secara keseluruhannya, demokrasi adalah kuasa pada rakyat. Pilihan raya adalah penyumbang kepada demokrasi. Ia membolehkan rakyat memilih pemimpin atau wakil mereka dengan mengundi. Terbentuknya kerajaan tidak hilangkan kuasa rakyat kerana rakyat punca kuasa dalam sistem demokrasi. Ini kerana pilihan raya dan demokrasi membenarkan wujudnya pembangkang yang berperanan sebagai semak dan imbang terhadap tindakan-tindakan kerajaan supaya kepentingan rakyat diutamakan. Bagi melengkapi sistem demokrasi itu sendiri, elemen-elemen ini perlu ada antaranya ialah mengadakan pilihan raya yang bebas dan adil secara berkala, sistem parti politik dan organisasi yang majmuk, pengasingan kuasa, kebebasan badan kehakiman, ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam dan media yang bebas.

1.3 Permasalahan Kajian

Di dalam negara demokrasi, pilihan raya menentukan bakal pemimpin sesebuah negara. Jika di Amerika Syarikat parti Republikan silih berganti dengan parti Demokrat dan di United Kingdom pula, parti Konservatif bertanding melawan parti Buruh. Keadaan ini berbeza di Malaysia yang tidak mengamalkan sistem dua parti. Walau bagaimanapun, Malaysia adalah negara demokrasi yang telah mengadakan pilihan raya secara konsisten seperti yang termaktub dalam perlombagaan bermula semenjak negara mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini. Sebanyak 12 pilihan raya telah diadakan bagi memberi peluang rakyat memilih pemimpin mereka.

Pilihan raya merupakan instrumen penting yang menandakan sebuah negara mengamalkan demokrasi dan digunakan oleh rakyat untuk memilih wakil rakyat dengan cara mengundi dan secara tidak langsung memilih parti yang akan membentuk kerajaan.⁴ Semenjak Malaysia merdeka hingga pilihan raya 2004, Barisan Nasional (BN) boleh dikatakan mempunyai prestasi yang agak baik selain Pilihan Raya Umum (PRU) 1969 dan 1999 (Ensiklopedia PRU, 2008). Setelah lebih lima dekad memerintah, pada PRU 2008 BN mengalami kemerosotan undi yang teruk hingga dinafikan majoriti dua pertiga di peringkat Parlimen dan kehilangan beberapa buah negeri kepada parti lawan.

Namun, senario di luar negara kelihatan berbeza dengan apa yang berlaku di Malaysia kerana parti dominan yang memerintah beberapa dekad di negara mereka telah ditewaskan oleh parti pembangkang. Contohnya jiran terdekat Malaysia iaitu Indonesia. Parti yang dominan di Indonesia adalah Parti Golkar dan telah memerintah semenjak 1971 hingga 1997 (Liddle & Saiful, 2007). Kemudian telah tewas pada pilihan raya 1999 kerana terpaksa tunduk kepada angkatan muda atau lebih dikenali sebagai era reformasi. Ketika pemerintahan Parti Golkar, mereka telah memenangi ke semua enam pilihan raya yang telah dijalankan semenjak 1971 hingga 1997 dan dikenali sebagai pilihan raya zaman order baru di bawah Presiden Suharto.⁵ Seterusnya situasi di Jepun pula, pada pilihan raya 2009 Parti Demokratik Liberal (LDP) yang telah memerintah sejak 1955 telah ditewaskan oleh Parti Demokratik Jepun (DPJ) (McCargo & Lee, 2010). Pada pilihan raya tersebut DPJ telah memperolehi 308 kerusi dan LDP 119 kerusi sahaja. Jika dibandingkan dengan pilihan raya 2005, LDP telah memenangi 304 kerusi dan kehilangan lebih 60 peratus kerusi pada pilihan raya 2009.⁶ Keadaan ini menjadi sejarah kerana ini adalah kali pertamanya rakyat memberi mandat kepada parti selain LDP.

Manakala senario yang berlaku di Malaysia pada PRU 2008, pertama kali Barisan Nasional (BN) tidak mendapat kemenangan majoriti dua pertiga kerusi Parlimen selepas PRU 1969. Selain itu, BN hilang kuasa di empat buah negeri apabila Pulau Pinang jatuh ke tangan DAP (*Democratic Action Party*), manakala Kedah, Perak⁷ dan Selangor jatuh ke tangan gabungan PAS-PKR-DAP (Parti Islam Se-Malaysia-Parti Keadilan Rakyat- *Democratic Action Party*) yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR). Negeri seperti Selangor, Perak dan Kedah telah dikuasai oleh UMNO (*United Malays National Organisation*) sejak tahun 1955 lagi (Hassan Ahmad, 2008, ms.24). Sementara itu, kuasa PAS di Kelantan bertambah kukuh.

⁴ Dalam konteks hari ini, tidak ada negara yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang mengamalkan demokrasi sekiranya tidak mengadakan pilihan raya.

⁵ Hanya 3 parti sahaja dibenarkan mengambil bahagian di dalam pilihan raya tersebut iaitu Parti Golkar (Parti Golongan Karya), PPP (Parti Persatuan Pembangunan) dan PDI (Parti Demokrasi Indonesia).

⁶ Undi popular LDP jatuh 26.7 peratus berbanding DPJ 42.4 peratus. Selain itu, jumlah pengundi yang keluar ialah 69 peratus, peningkatan jumlah pengundi yang tinggi sejak 2 dekad yang lalu.

⁷ Telah diambil semula oleh BN pada 22 Mei 2009.

Pada PRU 2008 juga, BN hanya memperoleh 51.4 peratus undi atau 4.08 juta undi popular di peringkat parlimen daripada keseluruhan 7.9 juta pemilih berdaftar yang keluar mengundi berbanding 63.8 peratus pada PRU 2004 (SPR, 2009). Manakala di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), undi popular yang diperolehi oleh BN hanya 51.3 peratus pada PRU 2008 berbanding 63.8 peratus pada PRU 2004 (SPR, 2009). Keputusan pilihan raya yang buruk ini telah mencetuskan pelbagai pendapat dan pandangan. Antaranya, melihat rekod pencapaian buruk UMNO pada PRU 2008 menggambarkan UMNO sebenarnya hampir kehilangan kuasa apabila pengundi Melayu beralih arah kepada pembangkang (Shamsul Amri, 2008; Zainal Kling, 2008; Amer Saifude Ghazali & Zulkarnain Abdul Rahman, 2011). Selain itu, ada pihak yang menganggap kemenangan Pakatan Rakyat bukan kerana kekuatan mereka, sebaliknya disebabkan kelemahan dan pergolakan dalam BN sendiri (Sivamurugan Pandian, 2008b; Rejal Arbee, 2008 & Mohd Azizuddin, 2011). Berdasarkan situasi tersebut, adakah undi yang diperolehi oleh BN dan PR mewakili keseluruhan suara rakyat Malaysia?

Perubahan pengundian telah berlaku pada PRU 2008. Pelbagai perspektif diberikan terhadap perubahan ini. Adakah kerana disebabkan persekitaran dan sentimen pengundi? Apakah yang menyebabkan perkara ini berlaku? Maka ini adalah isu utama dalam politik dan menjadi permasalahan dalam kajian ini.

Selain itu, hasil daripada sorotan literatur (rujuk lanjut di bahagian 2.2), dalam pilihan raya di Malaysia, kesetiaan orang Melayu lebih ketara kalau dibandingkan dengan orang bukan Melayu (Pillay, 1974; Lee Kam Hing, 1977 & Ghazali Mayudin, 1999). Maka, apakah yang menyebabkan perubahan ini berlaku? Hasil sorotan literatur juga mendapati secara keseluruhannya kajian-kajian yang membincangkan PRU 2008 adalah dari perspektif yang pelbagai. Kajian mereka (sekadar menyebut beberapa nama) adalah lebih kepada faktor kekalahan dan kemenangan parti (Johan Saravanamuttu, 2008; Shamsul Amri, 2008; Zainal Kling, 2008 dan Mohd Azizuddin, 2011), peralihan undi mengikut kawasan (Khoo Boo Teik, 2008; Lee Hock Guan 2008 dan Amer Saifude et.al, 2011), isu perkauman dan etnik (Ooi Kee Beng, 2008; Goh Cheng Teik, 2008 dan Lian Kwen Fee dan Jayanath Appadurai, 2011), faktor perubahan pola pengundian (Norhayati, 2008; Suhaimee, 2008; Ibrahim Abu Shah et.al., 2008; Joseph M. Fernando, 2011a; Mohd Fuad et.al., 2012 dan Junaidi et.al, 2012) dan kesan PRU 2008 (Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Ghazali Mayudin, 2008; Khoo Boo Teik, 2008; Abdul Rashid Moten, 2009; Arakaki, 2009, Saifuddin Abdullah, 2009 dan Johan Saravanamuttu, 2012). Didapati juga, kajian mereka belum menganalisis aspek-aspek dari sudut pengundi secara terperinci. Maka kajian ini akan menyelidiki aspek-aspek tersebut dan mengisi sebahagian kelompongan yang ada.

Oleh itu, kajian ini mempunyai beberapa permasalahan yang hendak diselidiki berkaitan pola pengundian pada PRU 2008. Pertamanya, bagaimanakah pola pengundian pada PRU 2008? Bagaimana sentimen pengundi pada PRU tersebut? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pola pengundian ini? Mengapa? Bagi menjawab permasalahan-permasalahan ini maka kajian ini akan memfokus di

Selangor untuk melihat pola pengundian pada PRU 2008 dengan mengambil pengundi Melayu yang tinggal di bandar dan luar bandar.

Selangor dipilih untuk kajian ini kerana pertama, negeri Selangor merupakan negeri yang termaju di Malaysia (UPEN, 2009). Bukan itu sahaja, Selangor juga merupakan kubu kuat BN sehingga PRU 2008 (SPR, 2009). Walaupun pada PRU 1999 BN mengalami penurunan prestasi secara keseluruhannya ia tidak menjelaskan Selangor. Pada ketika itu, Selangor berjaya mengekalkan prestasi yang baik dengan memenangi 42 kerusi DUN daripada keseluruhan 48 kerusi dan menyapu bersih semua kerusi parlimen (SPR, 2005). Begitu juga pada PRU 2004, Selangor berjaya memenangi 54 kerusi DUN daripada keseluruhan 56 kerusi dan menyapu bersih semua kerusi parlimen.

1.4 Persoalan Kajian

Daripada permasalahan kajian yang telah dibincangkan di atas, secara lebih khusus, terdapat 3 persoalan penting yang diselidiki dalam tesis ini:

- i) Bagaimanakah pola pengundian di Selangor pada PRU 2008?
- ii) Bagaimanakah sentimen pengundi Melayu yang tinggal di bandar dan luar bandar pada PRU 2008 di Selangor?
- iii) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pola pengundian pengundi Melayu di Selangor pada PRU 2008?

1.5 Objektif

Berdasarkan persoalan-persoalan di atas, objektif kajian ini adalah untuk menentukan perkara-perkara berikut:

- 1) Membandingkan pola pengundian pengundi Melayu di Selangor pada PRU 2008 dan PRU 2004.
- 2) Menganalisis sentimen pengundi Melayu yang tinggal di bandar dan luar bandar pada PRU 2008 di Selangor.
- 3) Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pola pengundian pengundi Melayu di Selangor pada PRU 2008.

1.6 Definisi Pola Pengundian dan Sentimen Pengundi

1.6.1 Pola Pengundian

Pola pengundian atau corak pengundian (*voting pattern*) adalah sub-bidang yang khusus dalam Sains Politik. Kajian tentang pola pengundian memberi tumpuan kepada mengapa orang mengundi dan bagaimana mereka membuat keputusan. Antara kajian-kajian yang mengkaji pola pengundian (hanya menyebutkan beberapa nama), ialah Downs (1957) *An economy theory of democracy*, Lipset (1973) *Political Man*, Campbell, et. al, (1980) *The American voter*, Jayum A. Jawan pada (1984) *Pilihan raya Sarawak 1983*, kemudian pada (1987) *The 1987 State General Election: The Dayakism Factor, The Ethnic factor in modern politics: The case of Sarawak, East Malaysia* (1991), *The Sarawak State General Election of 1993*, Jayum & V.T. King (2004) *Ethnicity & electoral politics in Sarawak*, Ghazali Mayudin (1999) *Pengundian dan identifikasi parti* dan Mohd Faisal Syam Abdol Hazis dan Neilson Ilan Mersat (2002) *Tingkah laku Pengundian dalam pilihan raya Parlimen Sarawak*. Md. Salleh Md. Said (2005) *Pola pengundian masyarakat Bajau dalam politik Sabah dari tahun 1963 hingga 2004* dan Edlin, Gelman & Kaplan (2007) *Voting as a rational choice: Why and how people vote to improve the well-being of Others*.

Dalam kajian pola pengundian, ahli saintis politik cenderung tertumpu kepada pengaruh faktor politik seperti isu-isu, program politik, kempen pilihan raya, dan populariti pemimpin parti ke atas tingkah laku mengundi (Campbell et.al., 1980; Catt, 1996 & Grynaviski, 2006). Maka, dalam kajian pola pengundian ini, perkara-perkara tersebut akan diteliti dan analisis dengan mendalam. Manakala ahli sosiologi pula cenderung untuk melihat kepada penentu sosioekonomi sebagai sokongan bagi parti-parti politik, memerhatikan hubungan antara kelas, pekerjaan, keturunan, jantina dan umur (Berelson et.al, 1968; Lazarsfeld et.al., 1969; Lipset, 1973; Land, et. al., 1986; Jones et. al., 1992; Ghazali Mayudin, 2006 dan Jasiewicz, 2009). Kajian ini juga mengambil kira sosioekonomi pengundi dalam menganalisis pola pengundian. Walau bagaimanapun, kedua-dua disiplin ini akan berkongsi dalam pendekatan analisisnya bergantung kepada teknik penyelidikan yang digunakan (Harrop & Miller, 1987).

Jika dilihat pola pengundian di Malaysia, semenjak Malaysia merdeka hingga PRU 2004, Barisan Nasional (BN) boleh dikatakan mempunyai prestasi yang agak baik selain Pilihan Raya Umum 1969 dan PRU 1999 (Ensiklopedia PRU, 2008). Setelah lebih lima dekad memerintah, pada PRU 2008 BN mengalami kemerosotan undi yang teruk hingga dinafikan majoriti dua pertiga di peringkat Parlimen dan kehilangan beberapa buah negeri kepada parti lawan. Kemerosotan ini merupakan salah satu sebab kajian pola pengundian ini dilakukan seperti yang dijelaskan dalam bahagian permasalahan kajian.

1.6.2 Sentimen Pengundi

Sentimen pengundi ini penting kerana ia mempengaruhi pilihan pengundi. Hal ini kerana menang atau kalah parti yang bertanding dalam pilihan raya akan berubah mengikut sentimen pengundi. Pelbagai perkara boleh mempengaruhi sentimen pengundi seperti tindakan-tindakan kerajaan, isu-isu semasa dan lain-lain (Winston, 1919). Sentimen pengundi juga ditentukan oleh parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya. Hal ini kerana gerak kerja jentera parti yang beterusan akan membantu sokongan pengundi terhadap sebuah parti itu bertambah. Oleh itu, parti-parti boleh membuat anggaran sentimen pengundi berdasarkan program-program yang mereka anjurkan (Merril, 1922). Sentimen pengundi juga dicerminkan dalam kemen-kemen pilihan raya yang diadakan oleh parti-parti yang bertanding. Seterusnya, ekspresi sentimen ini diserlahkan dalam bentuk undi semasa pengundian pilihan raya.

Dalam pilihan raya di Malaysia, sentimen pengundi menjadi perhatian kepada parti-parti yang bertanding. Semua sentimen pengundi termasuklah pengundi Melayu, Cina, India dan etnik di Sabah dan Sarawak. Antara kajian-kajian yang berkaitan dengan sentimen pengundi secara tidak langsung (hanya menyebutkan beberapa nama) ialah Downs (1957) *An economy theory of democracy*, Lipset (1973) *Political Man*, Campbell, et. al. (1980) *The American voter*, Jayum A. Jawan pada (1984) *Pilihan raya Sarawak 1983*, kemudian pada (1987) *The 1987 State General Election: The Dayakism Factor, The Ethnic factor in modern politics: The case of Sarawak, East Malaysia* (1991), *The Sarawak State General Election of* (1993), Jayum & V.T. King (2004) *Ethnicity & electoral politics in Sarawak*, Ghazali Mayudin (1999) *Pengundian dan identifikasi parti* dan Mohd Faisal Syam Abdol Hazis dan Neilson Ilan Mersat (2002) *Tingkah laku Pengundian dalam pilihan raya Parlimen Sarawak*. Md. Salleh Md. Said (2005) *Pola pengundian masyarakat Bajau dalam politik Sabah dari tahun 1963 hingga 2004* dan Edlin, Gelman & Kaplan (2007) *Voting as a rational choice: Why and how people vote to improve the well-being of Others*.

Perubahan pengundian telah berlaku pada PRU 2008. Pelbagai perspektif diberikan terhadap perubahan ini. Hasil daripada sorotan literatur (rujuk lanjut di bahagian 2.2), dalam pilihan raya di Malaysia, kesetiaan orang Melayu lebih ketara kalau dibandingkan dengan orang bukan Melayu (Pillay, 1974; Lee Kam Hing, 1977 & Ghazali Mayudin, 1999, ms.32-38). Maka, apakah yang menyebabkan perubahan ini berlaku? Oleh sebab itu, ini merupakan salah satu sebab kajian yang berkaitan dengan sentimen pengundi dilakukan seperti yang dijelaskan dalam bahagian permasalahan kajian.

1.7 Kesignifikanan Kajian

